



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

# MENDEDAH KEAIBAN TANPA SEMPADAN

Siri: 32/2021

11 Muharram 1442 H

*Bersamaan*

20 Ogos 2021

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَكَفٰى ، وَسَلَامٌ عَلٰى عِبَادِهِ الَّذِيْنَ اصْطَفٰى .  
اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهٗ . وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهٗ وَرَسُوْلُهٗ  
اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى  
يَوْمِ الدِّيْنِ . اَمَّا بَعْدُ . فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ ،  
اَوْصِيْكُمْ وَاَيّٰى بِتَقْوٰى اللّٰهِ وَطَاعَتِهٖ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Sekalian,**

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Itulah sahaja jalan atau cara untuk kita memperolehi kejayaan di dalam kehidupan dunia dan akhirat. Tajuk khutbah pada hari ini ialah:

### **Mendedah Keaiban Tanpa Sempadan.**

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Sekalian,**

Firman Allah dalam surah an Nisa ayat ke 148:

❁ لَا يُحِبُّ اللّٰهُ الْجَهْرَ بِالسُّوْءِ مِنَ الْقَوْلِ اِلَّا مَنْ ظَلَمَ وَكَانَ اللّٰهُ سَمِيْعًا عَلِيْمًا ﴿١٤٨﴾

Maksudnya: Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang), kecuali oleh orang yang dizalimi. Dan Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Dalam ayat ini perkataan buruk itu termasuklah menceritakan atau meviralkan keburukan orang lain sama ada dalam bentuk memalukan, menfitnah, mengumpat, menyinggung perasaan orang lain dan seumpamanya. Islam

menuntut kita agar sentiasa menjaga aib dan menyimpan kerahsiaan sama ada untuk diri sendiri atau orang lain. Mendedahkan perkara aib adalah jelas dilarang bahkan Islam memberi peringatan kepada orang yang suka menyebarkan keaiban orang lain sebagaimana Sabda Rasulullah s.a.w :

مَنْ تَتَّبَعَ عَوْرَةَ أَخِيهِ الْمُسْلِمِ تَتَّبَعَ اللَّهُ عَوْرَتَهُ،  
وَمَنْ تَتَّبَعَ اللَّهُ عَوْرَتَهُ يَفْضَحْهُ وَلَوْ فِي جَوْفِ رَحْلِهِ

**Maksudnya:** Barangsiapa yang mencari-cari aib (atau kelemahan) saudaranya yang Muslim, nescaya Allah akan membuka aibnya walaupun dia berada di dalam rumahnya.”

**(Riwayat Imam al-Tirmizi)**

Kita dapati fenomena membuka keaiban secara terang-terangan sudah menjadi barah dalam masyarakat kita. Kecanggihan teknologi yang ada pada ketika ini membolehkan sebarang rahsia dan keaiban diri sendiri atau orang lain dapat tersebar dengan pantas sama ada melalui aplikasi telefon bimbit atau media sosial. Seolah-olah mereka telah hilang rasa bersalah atau malu apabila perkara aib dan rahsia dibicarakan secara terbuka kepada umum.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Sekalian,**

Dalam media sosial hari ini, ada dipaparkan kisah rumah tangga suami isteri yang meluahkan perasaan tidak puashati masing-masing. Tanpa mereka sedar bahawa dalam hubungan suami isteri, antara perkara yang dilarang adalah mendedahkan aib pasangan kepada orang yang tidak berhak mengetahuinya.

Demikian juga ada yang suka meviralkan kisah keruntuhan rumah tangga orang lain, kawan karib mengaibkan peribadi sahabatnya sendiri dan ada pula yang cuba menjatuhkan seseorang yang berjaya dengan komen-komen yang mengaibkan serta memalukan seolah –olah tiada sempadan akhlak dan agama.

Banyak lagi kisah seumpama ini yang terpapar di media sosial kerana mereka menggunakan kemudahan media elektronik sebagai saluran untuk meluahkan perasaan, fitnah, serangan peribadi dan bermacam-macam. Ini merupakan perkara yang ditegah dan dilarang dalam Islam.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Sekalian,**

Sikap sesetengah orang islam yg suka menyebarkan keaiban, sebenarnya mereka adalah orang yang sombong dengan dosa yang dilakukan itu. Sebagaimana yang ditegaskan oleh sabda baginda saw yang bermaksud :

“Semua umatku akan diberi kemaafan melainkan orang-orang yang bongkak dengan dosa-dosanya, iaitu mereka yang melakukan kesalahan di malam hari dan kemudian Allah telah sembunyikan kesalahannya itu pada keesokan pagi, Tetapi ia berkata : Tahukah kamu bahawa aku melakukan begini begini semalam. Sesungguhnya pada malam itu Allah telah tutup keburukannya akan tetapi pada waktu pagi ia mendedahkan keaiban yang ditutup oleh Allah”

**(Riwayat: Bukhari dan Muslim)**

Kesimpulan khutbah pada hari ini:

1. Marilah kita menjadi umat Islam yang bijak dengan berkongsi maklumat yang boleh memberi faedah pada diri dan masyarakat serta menjauhi maklumat yang mendatangkan keburukan kepada semua.
2. Jadikanlah Media sosial sebagai medium dakwah dan menyampaikan kebaikan serta medan ilmu yang boleh memberi manfaat kepada umat Islam seluruhnya.
3. Iubapa wajib bertanggungjawab dalam membina jati diri dan mengawal anak-anak supaya tidak menyalahgunakan telefon pintar, komputer dan sebagainya.
4. Segala tulisan, kata-kata dan perkongsian kita di dunia ini akan dipertanggungjawabkan semula di akhirat nanti.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾

**Yang bermaksud:** Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia menerima dan menuliskannya.

(Qaaf : 18)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ آيَاتِ وَالِدِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَ لِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyak ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah selamatkan kami dan seluruh ummah Islam di mana jua mereka berada. Satukanlah persaudaraan dan perpaduan ummat Islam dengan ikatan yang erat dan kukuh. Mantapkanlah iman kami dan teguhkanlah pegangan kami menurut ahli sunnah wal jamaah, peliharakanlah kami dari amalan dan pegangan aqidah yang menyeleweng.

Ya Allah, bantu dan kasihilah kami dan seluruh ummat Islam dari kesusahan, wabak dan bala bencana. Lenyapkanlah wabak covid 19 dari bumiMu ini Ya Allah.. Ya Rahman.. Ya Rahim..

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللّٰهِ!

أذْكُرُوا اللّٰهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللّٰهِ أَكْبَرُ، وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللّٰهُ.